

Perlu Pinda Perlembagaan Jika Pilihan Raya Diadakan Selepas Cukup Lima Tahun - Najib
Bernama
22 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda jika pilihan raya umum hendak diadakan selepas tempoh mandat pentadbiran kerajaan sedia ada mencukupi lima tahun dan bukannya lebih awal, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata pada masa ini, tiada apa-apa yang menyekat kerajaan untuk mengadakan pilihan raya umum lebih awal atau menunggu sehingga cukup tempoh lima tahun mentadbir negara.

"Perlembagaan negara membenarkan Perdana Menteri pada masa berkenaan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen, tapi tidak lewat dari tempoh lima tahun. Itu peruntukan Perlembagaan.

"Selagi tak ubah peruntukan Perlembagaan, kita tak boleh kata kita perlu buat lebih awal sebagai satu ketetapan atau sampai penghujung lima tahun sebagai satu ketetapan. Maknanya kuasa budi bicara itu dibenarkan oleh Perlembagaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Menara Dato Onn di sini, Jumaat.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz di Parlimen semalam bahawa kerajaan sedang melakukan gerakan kecil-kecilan untuk mempertimbang bahawa pilihan raya umum diadakan apabila tempoh mandat pentadbiran kerajaan sedia ada mencukupi lima tahun dan bukannya lebih awal.

Mohamed Nazri berkata beliau secara peribadi bersetuju dan bersedia untuk menjadi pemangkin kepada langkah itu.

Terdahulu, Najib berkata keanggotaan Umno sehingga 19 Jun lepas adalah seramai 3.359 juta orang.

Beliau turut memaklumkan sebanyak 18,028 cawangan parti telah mengadakan persidangan tahunan sehingga 12 Jun lepas, manakala 1,863 cawangan masih belum berbuat demikian.

Selain itu, katanya, Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin akan melawat Indonesia atas jemputan balas parti Golkar pada 2 hingga 4 Julai dengan disertai 20 orang pemimpin parti termasuk beberapa anggota Majlis Tertinggi.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675080>